

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HKT 121 – Teori dan Kritikan Sastera**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan didalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan. Pilih dan jawab **SATU [1]** soalan daripada **Bahagian A, B, C dan D**.

**Bahagian A**

1. Bincangkan unsur-unsur penting di dalam pembinaan teori sastera seperti yang dikemukakan oleh M. H. Abrams. Kemudian jelaskan kepentingan unsur-unsur itu di dalam kritikan sastera.
2. Jelaskan secara kritis perkembangan pembinaan teori sastera dari yang konvensional kepada yang kontemporari. Perbincangan anda hendaklah merujuk kepada tiga tahap perkembangan teori sastera moden.

**Bahagian B**

3. Bincangkan maksud dan fungsi kritikan sastera. Kemudian jelaskan jenis-jenis kritikan sastera mengikut bentuk, pendekatan dan penulisan.
4. Merujuk kepada pendekatan psikologi, bincangkan hubungan di antara pengarang Yasunari Kawabata dengan watak yang bernama Shimamura di dalam novel **Snow Country (Desa Salji)**.

### **Bahagian C**

5. Jelaskan maksud kritik feminis. Merujuk kepada kritik feminis ini, aplikasikannya ke atas novel **Ranjau Sepanjang Jalan**. Kemudian jelaskan kekuatan dan kelemahan kritikan ini.
6. “Daripada sudut pandangan teori penerimaan, proses pembacaan ialah suatu yang dinamis, sesuatu pergerakan yang kompleks, yang memperlihatkan diri melalui pergerakan waktu.” Merujuk kepada kenyataan ini bincangkan perbezaan teori penerimaan yang dikemukakan oleh Roman Ingarden dan Wolfgang Iser.

### **Bahagian D**

7. Merujuk kepada novel **Ziarah**, bincangkan teknik penulisan yang digunakan oleh pengarang untuk mengetengahkan ketidaktentuan makna di dalamnya.
8. Huraikan maksud kesusasteraan pascakolonial. Sterusnya, jelaskan kedudukan bahtera Sukma Angin di dalam novel **Sukma Angin** sebagai sebuah tanda yang digunakan untuk meruntuhkan wacana kolonial.